

BAB KETIGA
LAPORAN PENYIDIKAN

3.1 MUHAMMAD BIN ABIRRA MABINAI DAN KONSEP SYAHADAH.

3.1.1 Biografi Muhammad bin Abdul Wahhab.

3.1.1(a) Sejarah Kelahiran dan Keturunan.

Beliau adalah Muhammad bin Abdul Wahhab bin Sulaiman bin 'Ali bin Muhammad bin Ahmad bin Rasyid bin Marid bin Musyrif al-Tamimi. Beliau dilahirkan pada tahun 1115H bersamaan dengan 1703M.¹ Ada juga yang berpendapat beliau dilahirkan pada tahun 1111 hijrah.² Pendapat yang lebih tepat dalam hal ini salah pada tahun 1115H.

Beliau dibesarkan dalam keluarga yang berilmu pengetahuan. Ayahnya seorang yang 'alim, berpengetahuan luas dan menjawat jawatan hakim di Uyainah. Manakala datuknya Sulaiman seorang 'ulamak yang dihormati dan 'alim dalam bidang hukum. Begitu juga bapa saudaranya Ibrahim bin Sulaiman merupakan seorang 'ulamak yang agung. Beliau telah meninggal dunia pada tahun 1707H bersamaan tahun 1792M ketika berusia kira-kira 90 tahun.³

¹ Salih b. Fauzan, Min Masyahirri Mujaddidin fi al-Islam, Riyad, 1408H, hal. 56.

² Abdul 'Aziz bin 'Abdullah bin Baz, Muhammad bin 'Abdul Wahhab, Da'watuhu wa stratubuh, Riyad, 1983, hal. 14.

³ Salih bin Fauzan, op. cit., hal. 56.

3.1.1(b) Latarbelakang Pendidikan dan Penglibatannya.

a. Muhammad bin 'Abdul Wahhab telah mempelajari ilmu pengetahuan dari orang tuanya sendiri. Beliau telah dapat menghafal al-Quran semasa 'umurnya 10 tahun. Beliau merupakan seorang yang berminat kepada ilmu pengetahuan dan sangat tekun semasa belajar.⁴

Selepas baligh beliau telah pergi ke Mekah menunaikan fardhu haji. Semasa di sana beliau telah mengambil manfaat dari 'ulamak-'ulamak yang ada. Selepas itu beliau menuju pula ke Madinah dan bertemu dengan 'ulamak-'ulamak di sana. Beliau tinggal di sana beberapa waktu. Semasa di Madinah juga beliau telah mempelajari ilmu keugamaan dari dua orang 'ulamak yang terkenal iaitu Syeikh Abdullah bin Ibrahim bin Saif an-Najdi iaitu anak Syeikh Ibrahim yang bijak dalam bidang faraid. Seorang lagi 'ulamak yang menjadi gurunya iaitu Syeikh Muhammad Hayat as-Sindi.⁵

Dari Madinah Muhammad bin 'Abdul Wahhab berkunjung pula ke negeri 'Iraq dengan tujuan semata-mata menuntut ilmu pengetahuan di sana. Di Basrah Syeikh Muhammad bin 'Abdul Wahhab telah mendalami ilmu pengetahuan dari Syeikh Muhammad al-Majmu'i. Selepas itu beliau

⁴ Muhammad bin 'Abdul Wahhab, Kasyful Syubhat (ter: Ja'far Sujarwo), Percetakan Bina Ilmu, Surabaya, 1981, hal. 11.

⁵ Abdul 'Aziz bin Baz, op. cit., hal. 15.

bercadang untuk pergi ke Syam tetapi terpaksa ditangguhkan kerana kekurangan belanja. Kemudian beliau keluar dari Basrah dan menuju ke az-zubir dan seterusnya ke Ilmud dan mempelajari ilmu Usuluddin dengan ulama di sana. Setelah itu beliau menuju ke Huraimila pada tahun 1139 H kerana ayahnya berpindah ke sana.⁶

Dalam masa intilah beliau mula membaca dan mempelajari serta menyelidiki buku-buku karangan Syeikh Ibnu Talmiyah (1292 H - 1328 H) dan karangan Ibnu Qayim al-Jauziyah (751 H) sehingga beliau terpengaruh dengan pemikiran mereka berdua khususnya mengenai aqidah salaf dan usaha mengembalikan umat kepada wasatullah. Setelah beliau banyak mendalami berbagai ilmu keunggulan beliau mula mengembangkan ilmunya kepada orang ramai dengan menqajar mereka pada tiap-tiap hari berbagai-bagai ilmu seperti tafsir, hadis, tauhid, fiqah dan lain-lain. Di samping itu beliau menulis berpuluhan-puluhan buah buku dalam berbagai bidang ilmu pengetahuan. Di antara buku-buku yang ditulis itu seperti kitab Al Tauhid, Nasih al Shubuhah, Al Usul al-Thalathah wa Adillatuha, Usul al Iman, Al Qawaid al Arba', Kitab Sadhul al-Islam, Kitab Mufid al Mutaffid fi Kufri Tartiq al Tauhid, Nasihatul al-Muslimun, Al-Huda al Nabawi, Tafsir Surah al-Fatihah, Mukhtasar al-Imam, Fatwa Wa Rasail, Mukhtasar al-Minhaj dan lain-lain.⁷

6. Abdul 'Aziz bin Baz, op. cit., hal. 16.

7. Zakaria P Mahmood Daud 'Ali, Muhammad bin 'Abdul Wahhab Dan Pengaruhnya kepada Dunia Islam Bidang Aqidah Dan Politik, (Kertas Kerja di Seminar Pemikiran Islam III: Akademik Islam UM 9-10 November, 1987), hal. 5.

b. Keperibadian.

Dari segi keperibadinya, Syeikh Muhammad bin 'Abdul Wahhab merupakan seorang yang suci berpegung teguh dengan ajaran Islam serta berakhlak baik seperti 'akhlak as-salafu soleh'. Sebagai contoh beliau pernah menyebut dalam suratnya kepada al-Syiekh Ahmad bin Yahya seorang 'ulama' yang sejaman dengannya, dengan katanya:

"Jangan kamu mentaati aku, jangan taati kecuali perintah atau suruhan Rasulullah. Ketahuilah bahawa kamu tidak akan selamat kecuali kamu mengikuti Rasulullah s.a.w. Ketahuilah bahwa dunia akan pergi (hilang)."⁸

Beliau memiliki tubuh badan yang sempurna, tiada kecacatan dan menghiasi dirinya dengan hiasan-hiasan yang elok tetapi tidak melampaui batas. Beliau tidak banyak bercakap kecuali dalam perkara-perkara kebenaran dan dalam penyebaran ilmu. Di samping itu beliau seorang yang petah berpidato dan berhujah. Beliau mengutamakan toleransi dan keamanan dari perseteruan. Di antara sifat-sifat yang jelas ialah keberaniannya bukan salaja dalam cedan peperangan malah dalam menyatakan pendapat tanpa takut dan ragu sekalipun beliau berseorangan dalam menghadapi masyarakat, kerajaan dan negara. Beliau memiliki ilmu yang tinggi dan dianggap seorang pembimbing masyarakat yang berjaya mengatasi Ibnu Qayyim, Jauhuddin al-Afghani, Ibnu Tai-

⁸ Ahmad 'Abdul Ghafur Afai', Muhammad bin Abdul Wahhab, Beirut, cetakan ketiga, 1392H/1972M, hal. 105-106.

ntah dan Imam Motid Abdur. Kerana ketujuh berjaya mengasaskan satu kekuatan yang boleh memulihara pengekalan da'wah Islamiah iaitu negara Islam.⁹

Mengikut Dr. Ahmad Amin di dalam bukunya *Yaumul al-Islam* mempertahankan dasar metode al-Quran dan al-Hadits. Ini berlainan dengan sikap ahli perundangan sebelumnya yang menyeru supaya digunakan akal fikiran. Beliau mengikut aliran mazhab Ahmad bin Hanbal.¹⁰

3.2 Ulasan Muhammad bin 'Abdul Wahhab Tentang Syahadah Dan Pembahagian Tauhid.

Kalau kita lihat kepada pandangan Muhammad bin 'Abdul Wahhab tentang konsep syahadah samalah seperti yang penulis jelaskan pada bab dua yang lepas. Konsep inilah yang dimulakan oleh Syeikh Muhammad bin 'Abdul Wahhab di dalam da'wahnya. Mengikut Muhammad bin 'Abdul Wahhab di dalam kalimah Iauhid La Ilaha illallah itu terkandung di dalamnya dua fasal, iaitu naff (negatif) dan fasal kedua ithbat (positif). La Ilaha (tanda Tuhan yang berhak disembah) dan ilallah (melainkan Allah), yang bererti yang benar dan berhak disembah (di 'ibadah) hanyalah Allah yang Maha Esa yang tidak ada sekutu baginya.¹¹

⁹ Ahmad bin 'Abdul Ata', op. cit., hal. 105-111.

¹⁰ Ahmad Amin, *Yaumul al-Islam* (ter:Dusuki IJ. Ahmad), Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1980, hal. 118.

¹¹ Drs. 'Imron A.Manan, *Pelbagai Masalah Tauhid Popular 1*, cetakan Bina Ilmu, Surabaya, 1982, hal. 305.

- 41 -

Allah itu Maha Suci dan Maha Taya, Maha Sempurna dan tidak memerlukan sebarang per tolongan dari yang lainnya. Kerana itu menjadi kewajiban kepada semua manusia mengabdiikan diri hanya kepada Allah juga dan menjauhi dari melakukan syirik kepada Allah s.w.t. Firman Allah s.w.t di dalam al-Quran yang bermaksud:

"Katakanlah, sesungguhnya aku hanya diperintah untuk menyembah Allah dan tidak menyekutukan sesuatu pun dengan Dia. Hanya kepadanya aku seru manusia dan hanya kepadanya aku kembali."¹²

Dalam ayat di atas terdapat pengertian syahadah Tiada Tuhan Yang Disembah Melainkan Allah. Penetapan hanya diberi supaya menyembah Allah tidak yang lainnya. Ayat di atas jelas menunjukkan bahawa kepastian di dalam Islam tentang peniadaan dan penetapan. Justeru itu maksud yang hakiki penetapan 'ibadah hanya kepada Allah yang Maha Esa dan menafikan 'ibadah selainNya.¹³

Penjelasan lanjut tentang syahadah ini telah penulis jelaskan pada bab yang terdahulu, begitu juga tentang syarat-syarat syahadah telah penulis jelaskan, sebab itu tidak perlu diulang semula di sini.

Syeikh Muhammad bin 'Abdul Wahhab telah membahagikan tauhid

¹² Al-Quran, Surah ar-Ra'du, Ayat 36.

¹³ Sulaiman bin 'Abdullah bin Muhammad b. Abd. Wahhab, Taisir al-Aziz al-Hamid fi Syarhi kitab at-Tauhid (ter: da'afar Sujarwo & Rah-nip, Penerbit al-Ikhlas, Surabaya, 1.1, hal. 60).

kepada tiga bahagian iaitu Tauhid Rububiah, Tauhid Uluhiah dan Tauhid Asma wa al-Sifat.

i. Tauhid Rububiah.

Tauhid Rububiah ialah mengesakan Tuhan dalam pengaturan kerajaan. Ia merupakan pernyataan bahawa sesungguhnya Allah ialah penyatuhan segala sesuatu, Dia pemiliknya, Dia pencipta aturannya dan pemberi rezekinya. Sesungguhnya Dia yang menghidupkan, yang memati-kan, yang memberi manfaat, yang mendatangkan mudarat. Dia yang menerima doa terulama dalam kesukaran, semua perkara adalah bagiNya. Dia berkuasa di atas apa yang ia kehendaki, tidak ada sekutu bagiNya. Dengan tauhid ini sahaja belum memadai bagi seseorang itu menggelarkan diri mereka sebagai seorang Islam, bahkan ia harus mengikuti dengan tulus ikhlas. Tauhid uluhiah iaitu mengesakan Allah dalam ketuhanan.¹⁴

Allah menceritakan tentang orang-orang musyrik. Mereka ini percaya kepada Tauhid Rububiah tetapi engkar kepada Tauhid Uluhiah. Allah menerangkan hal ini dalam beberapa ayat al-Quran antaranya surah az-Zukhruf ayat 87:

وَلَئِن سَأَلْتُهُم مَنْ خَلَقَ هُنَّ لِيَقُولُونَ اللَّهُ فَإِنْ يُوْفَكُونَ .

Maksudnya:

*Dan sekiranya kamu bertanya kepada mereka siapakah

Kepada tiga bahagian iaitu Tauhid Rububiah, Tauhid Uluhiah dan Tauhid Asma wa al-Sifat.

1. Tauhid Rububiah.

Tauhid Rububiah ialah menggoyarkan Tuhan dalam pengaturan kerajaan. Ia merupakan pernyataan bahawa sesungguhnya Allah ialah penyatuhan segala sesuatu, Dia pemiliknya, Dia pencipta aturannya dan pemberi rezekinya. Sesungguhnya Dia yang menghidupkan, yang memati-kan, yang memberi manfaat, yang mendatangkan mudarat. Dia yang menerima doa terutama dalam kesukaran, semua perkara adalah bagiNya. Dia berkuasa di atas apa yang Ia kehendaki, tidak ada sekutu bagiNya. Dengan Tauhid ini sahaja belum memadai bagi seseorang itu menggelarkan diri mereka sebagai seorang Islam, bahkan ia harus mengikut dengan tulus ikhlas. Tauhid uluhiah iaitu men-gesakan Allah dalam ketuhanan.¹⁴

Allah menceritakan tentang orang-orang musyrik. Mereka ini percaya kepada Tauhid Rububiah tetapi engkar kepada Tauhid Uluhiah. Allah menerangkan hal ini dalam beberapa ayat al-Quran antaranya surah az-Zukhruf ayat 87:

وَلَئِن سَأَلْتُهُم مَنْ خَلَقَ هُوَ لِيَقُولَنَّ اللَّهُ فَإِنْ يُؤْفَكُونَ .

Maksudnya:

*Dan sekiranya kamu bertanya kepada mereka siapakah

¹⁴ Ibid.

yang menciptakan mereka, mesanya mereka akan mengatakan Allah."¹⁵

Tauhid Rububiah ini merupakan Tauhid yang pernah diikrarkan oleh Orang-orang kafir di zaman Rasulullah s.a.w tetapi mereka ini tidak memeluk Islam. Rasulullah s.a.w telah memberangi mereka serta menghalalkan darah dan harta mereka.¹⁶ Mengenai hal ini Allah telah berfirman dalam al-Quran yang bermakna:

"Katakanlah walaq Muhammad kepada orang-orang kafir, siapakah yang memberi rezki dari langit dan bumi, atau siapakah yang memiliki pandangan dan penglihatan dan siapakah yang mengeluarkan yang hidup dari mati, dan mengeluarkan yang mati dari yang hidup, dan siapakah yang mengatur setiap perkara? Maka(sudah tentu) mereka akan menjawab Allah(telah) (yang membuat semuanya). Maka katakanlah kepada orang-orang kafir mengapakah kamu tidak bertaqwa?"¹⁷

ii. Tauhid Uluhiah

Tauhid uluhiah adalah pengesuan Allah dalam pengibadatan. Ke tauhidan ini dibina atas dasar ikhlas kerana Allah semata-mata, yang mempunyai penuh kecintaan, takut, mengharap, tawakkal, gemar, hormat dan doa hanya kerana Allah s.w.t sahaja. Keadaan ini dilakukan atas dasar ikhlas semata-mata kerana Allah s.w.t. Tauhid ini terkandung dalam firman Allah s.w.t :

¹⁵ Surah az-Zikhruf, ayat 87.

¹⁶ Muhammad bin 'Abd. Wahhab, Rashed al-Shubbat, Dita'alliq oleh Muhammad bin 'Abd. 'Aziz bin Mani', Riad, al-Ruasat al-Annat li Idrat al-Buhth al-Islamiah wa 'al-Itta' wa al-Da'wat wa al-Irshad, 1404 H, hal. 34.

¹⁷ Surah Yunus, ayat 31.

اَيُّهُنْ هُنَّ دِيَنُنْ وَاللّٰهُ نَمْوَنْ

Maksudnya:

"Hanya kepada engkau Kami seubah dan kepada engkau juga kami memohon pertolongan."¹⁸

Tauhid inilah awal agama dan akhirnya, batin agama dan lahirnya. Tauhid uluhiah inilah merupakan permulaan da'wah para Rasul dan juga akhir da'wahnya. Itulah penjelasan ucapan لَّا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ yang mana Allah sahajalah yang berhak disembah dengan penuh kecintaan, takut, pengagungan dan kebesaran. Kerana tauhid inilah diciptakan makhluk, diutuskan para Rasul, diturunkan kitab-kitab dan dengan ianya manusia dipisahkan antara yang beriman dan yang kafir.¹⁹

Mengikut Muhammad bin 'Abdul Wahhab juga, kerana tauhid uluhiah inilah berlakunya pertentangan pada masa dahulu dan sekarang dalam pengibadian Allah berhubung dengan perbuatan hamba seperti do'a, nazar harapan, takut, tawakkal, keinginan, peribadatan dan dalam memohon pertolongan. Ini adalah kerana asal 'Ibadah ialah ikhlas kerana Allah Yang Maha Ista dan mengikut Rasulullah s.a.w secara langsung.²⁰

¹⁸ Ayat al-Quran, Surah al-Fatiha, ayat 5.

¹⁹ Sulaiman bin 'Abdullah bin Muhammad bin 'Abdul Wahhab, op. cit. hal. 60.

²⁰ Muhammad bin 'Abdul Wahhab, op. cit, hal 35-36.

Allah s.w.t menjelaskan dalam firmanNya yang bermaksud:

"Dan sesungguhnya setiap tempat sujud adalah bagi Allah, maka jangan kamu seru bersama Allah sesuatu apapun."²¹

Dalam ayat yang lain Allah menjelaskan lagi dengan maksudnya:

"Apa yang dilarang untuk kamu oleh Rasul maka ambillah, dan apa yang dilarang olehnya maka tinggalkanlah."²²

iii. Tauhid asma' wa al-sifat.

Tauhid asma' dan al-sifat ini adalah penyataan ikrar bahawa sesungguhnya Allah bersifat dengan segala sifat kesempurnaan, Allah Maha Mengetahui kepada segala sesuatu, Maha berkuasa terhadap sesuatu, dan sesungguhnya Dia Maha hidup, tidak lupa dan tidak tidur, bagiNya segala kehendak terlaksana, Dia Maha mendengar, Maha melihat, Maha kesian belas, bersenayam di atas 'Arasy di kerajaanNya. Dia Maha suci, Maha sejahtera, Maha mengurniakan keamanan, Maha memelihara, Maha perkasa, memiliki segala keagungan dan Maha suci Allah dari apa-apa yang mempersekuotkanNya.²³ Di samping itu Allah ada mempunyai nama-nama yang layak bagiNya.

Adapun orang-orang kafir pada umumnya mereka mengakui tauhid asma' dan as-sifat ini, selalipun ada juga sebahagiannya yang

²¹ Surah al-Jinn, ayat 18.

²² Surah al-Hashr, ayat 28.

²³ Sulaiman bin 'Abdullah bin Muhammad bin 'Abdu'l Wahhab, op. cit. hal. 61.

mengengkarinya, adakala kerana kehodongan mereka ini mengengkarinya.

Tentang mereka yang engkar ini Allah mesejkan ayat :

كذلك أرسلناك في آية قد خلقت من قبلاً ألم
لتستلوا عليهم الذي أوحينا إليه وهو يألفون
بالزحْفِ .

Maksudnya:

"Dan begitulah kami uturkan engkau kepada umat dan sebelum ini telah datang beberapa umat, supaya engkau bacakan kepada mereka apa yang kami wahyukan kepada engkau, dan mereka tidak percaya (engkar) kepada Tuhan yang pemurah." ²⁴

Al-Hafiz Ibn Kathir mengatakan, pada lahirnya pengengkaran mereka ini sebenarnya kerana penolakan dan sifat fri, dalam kekafirannya mereka mengengkari ar-Rahman.²⁵ Di dalam syair Arab jahiliah diketemukan penamaan Allah dengan nama ar-Rahman:

وَمَا يَشَاءُ الرَّحْمَنْ يَعْلَمُ وَرِطْلَقْ

Maksudnya:

"Apa yang dikehendaki oleh ar-Rahman ia terikat dan terlepas."

Demikianlah bentuk-bentuk tauhid yang diperjelaskan oleh Muhammad bin'Abdul Wahhab. Di mana beliau turut membahagikan kepada tiga bahagian seperti yang penulis harfalkan di atas. Pembahagian ini juga sama seperti yang dibuat oleh ulamak-ulamak Islam yang lain.

²⁴ Ayat al-Quran, Surah ar-Ra'du, ayat 30.

²⁵ Ibid.

3.3 Usaha Da'wah Syeikh Muhammad bin 'Abdul Wahhab.

Sebagaimana yang penulis jelaskan dalam riwayat hidupnya bahawa Muhammad bin 'Abdul Wahhab dianggap dalam lingkungan pengikut-penganut mazhab Hambali iaitu satu aliran yang berpegang kepada pendapat, fahaman dan amalan-amalan 'ulama' salaf (iaitu sahabat-sahabat Nabi dan tabi'ien) sebagai dasar dalam mentafsir murni dan tidaknya pengamalan-pengamalan ajaran agama. Dalam hal penggunaan ukuran faham dan pengenalan ulama'-ulama' salaf itu, Imam Ahmad bin Hambal merupakan tokoh yang paling gigih dalam mempertahankan kedudukan dan pemurnian pengamalan ajaran-ajaran Islam dalam lapangan tauhid. Beliau dikatakan orang yang paling tegas dari kalangan Ahli Sunnah dalam mempertahankan pemurnian Aqidah. Ajaran Imam Ahmad bin Hambal ini kemudiannya diikuti oleh Ibnu Taimiyah (661-724 H) dan seterusnya diikuti pula oleh Syeikh Muhammad bin Abdul Wahhab.²⁶

Muhammad bin Abdul Wahhab mulai menjalankan da'wah di negerinya sendiri, iaitu di 'Uyayinah sekitar tahun 1740 Masihi. Beliau memusatkan pengajarannya dalam membetulkan ibadah selain Allah dan kepada mereka yang bertawassul atau memohon pertolongan dengan makhluk. Inilah perkara yang ditekankan oleh Muhammad bin Abdul Wahhab pada masyarakat setempat supaya menjauhinya. Beliau melihat

²⁶ Drs. Imran A. Manan, op. cit., hal. 300.

perkara bid'ah begitu berleluasa di mana sahaja beliau pergi. Beliau mengulakan da'wahnya dengan mendekti ceramah dan juga melalui penulisan sehingga da'wahnya mendapat tempat di kalangan masyarakat walaupun beliau bercakap sedikit tetapi ungkapan perkataannya mengandungi pengajaran dan peringatan. Apabila beliau melihat sejatu perkara beliau akan menjelaskannya dengan huratan yang jelas serta dalil-dalil.

Dalam usaha Muhammad bin 'Abdul Wahhab menjalankan da'wahnya terdapat juga mereka yang dengki kepadanya, termasuklah sepupunya sendiri iaitu 'Abdullah bin Hussein. Beliau pernah berdebat dengan 'Abdullah ini dan 'Abdullah pernah mencederakannya dengan pedang.²⁷ Paudaranya sendiri iaitu Sulaiman bin 'Abdul Wahhab juga pada peringkat awalnya termasuk dalam golongan yang menentang da'wahnya. Melihatkan perkembangan da'wahnya Syeikh Muhammad bin 'Abdul Wahhab dalam usahanya membersih masyarakat dari syirik dan bid'ah maka 'amir dari al-ihsa' yang menguasai 'Uyainah memerintahkan kepada 'amir 'Uyainah supaya membunuh Muhammad bin 'Abdul Wahhab. Akan tetapi 'amir

²⁷ Abdul 'Aziz Sayyid al-Abt, Da'iyyah al-Tauhid, Muhammad bin 'Abdul Wahhab, Beirut, Dar al-Uloom li Melayin, 1974, hal. 88-89.

'Uyainah menasihati Muhammad bin 'Abdul Wahhab supaya meninggalkan 'Uyainah. Nasihat ini dilihat oleh Muhammad bin 'Abdul Wahhab yang kemudiannya beliau pergi ke Dar'Iah kerana beliau merasakan masyarakat di sana dapat menerima dia'wahnya.²⁸

Di Dar'Iah Muhammad bin 'Abdul Wahhab mengajar secara teori dan praktikal. Beliau turut dibantu dan mendapat kerjasama dari pemimpin-pemimpin di sana. Langkah pertama yang dilakukan ialah cuba mengubah suasana bid'ah, menghancurkan kubali-kubali di atas kubur dan segala yang bertentang dengan aqidah Islam. Beliau menghalakan dia'wahnya kepada semua tulamak di setiap tempat dan menjelaskan perkara yang bertentangan dengan Islam yang berlaku di depan mata mereka. Mereka juga mengajak mereka dalam melakukan kerja-kerja dia'wah. Pemimpin Dar'Iah pada masa itu ialah Muhammad bin Saud. Syeikh Muhammad bin 'Abdul Wahhab melihat Muhammad bin Sa'ud ini seorang pemerintah yang baik, yang boleh menerima dia'wahnya dan membersihkan tauhid dari segala penyelewengan.²⁹ Kerana itu dia bekerjasama dengannya.

Muhammad bin 'Abdul Wahhab juga melihat Muhammad bin Sa'ud ini mampu menolongnya dalam mengembangkan dia'wah. Dalam hal ini

²⁸ Drs. Imron A. Manan, op. cit., hal. 301.

²⁹ Abdul 'Aziz Sayyid al-Ahl, op. cit., hal. 89.

memang benar kerana Muhammad Sa'ud telah memberi kerjasama kepada Syeikh Muhammad bin 'Abdul Wahhab dalam mengembangkan usaha da'wah. Ikonan dari sint juga semasa kelahirannya turut menerima da'wah Syeikh Muhammad bin 'Abdul Wahhab.³⁰

Lothrop Stoddard menjetaskan di dalam bukunya *The New World of Islam* bahawa sudah bertahun-tahun Syeikh Muhammad bin 'Abdul Wahhab mengembara di Semenanjung Tanah Arab, akhirnya baru berjumpa dengan Muhammad bin Sa'ud, pemimpin yang paling berkuasa di seluruh Najd. Dengan demikian Muhammad bin 'Abdul Wahhab memperolehi sokongan moral dan juga material. Kesempatan itu dipergunakan dengan sebaik-baiknya. Dan lambat laun padang pasir 'Arab akan menjadi satu kesatuan politik keugamaan seperti yang diwujudkan zaman Nabi Muhammad s.a.w dahulu. Dan cara-cara yang dijalankan oleh Muhammad bin 'Abdul Wahhab sama seperti yang dilakukan oleh Khalifah pertama Abu Bakar dan 'Umar.³¹

Muhammad b. 'Abdul Wahhab mengajar agama setiap hari sehingga masyarakat di Dar'iah mendiami sebenarnya tentang aqidah Islam dan tidak sampai setahun dikatakan keseluruhan penduduk di sana bersih

³⁰ Ibid.

³¹ Lothrop Stoddard, *The New World of Islam*, (ter: Panitia, Jakarta, Penerbit Menko Kesejahteraan, 1966, hal. 31).

'aqidah mereka. Beliau bersama-sama pihak intai di sana berusaha dalam menegakkan syiar Islam kepada mereka yang tidak memusatkan kembali yang dikenakan hukuman la'zim.³²

Kerana usaha beliau membela kaum Muslimin dari kepercayaan yang salah dan menyelenging, beliau dan pengikutnya menggelarkan diri mereka sebagai muwahhidun (orang yang mentauhidkan Allah). Adapun gelaran Wahabi adalah gelaran yang diberi oleh musuh-musuh mereka dan digunakan oleh orang-orang Cina.³³

3.4 Ajaran Da'wah dan Pemikiran Syeikh Muhammad bin 'Abdul Wahhab.

Dalam penyampaian Da'wah yang disampaikan oleh Syeikh Muhammad bin 'Abdul Wahhab ini, berbagai-bagai cara dilakukan oleh beliau termasuklah dengan cara mengajari, mengarang buku-buku seperti yang penulis jelaskan terdahulu, juga dengan cara menulis surat kepada ulamak-ulamak, pembesar-pembesar sezamaninya. Usaha da'wah yang dilakukan itu adalah disekitar memurtikan 'aqidah dan mengembalikan umat Islam kepada kehidupan yang ditunjukkan oleh al-Quran dan as-Sunnah. Perkara ini beliau ada menjelaskan di dalam satu suratnya yang berbunyi:

32 Abdul Aziz Sayyid al-Ahl, op. cit., hal. 92.

33 Dr. Abdul Halim bin Ij. Mat Diah, Beberapa Masalah Ummah, ARIM, Kuala Lumpur, 1989, hal. 41.

"Sesungguhnya aku telah diberi hidayah oleh Allah s.w.t kepada jalan yang lurus. Itu jalan agama Islam seperti agama Nabi Ibrahim dan tidak seperti agama orang-orang musyrik. Segala puji bagi Allah aku tidak mengajak kepada mazhab sufi, tidak mengajak kepada mana-mana 'ulamak leqaqah dan mana-mana 'ulamak kalau. Juga tidak mengajak supaya mengikut mana-mana imam yang disanjung oleh orang ramai seperti Imam Ibn Qayyim, Imam az-Zahabi, Ibn Kathir dan lain-lain. Bahkan aku mengajak kepada Allah sebaiknya tanpa sekutu baginya dan kepada sunnah Rasulullah S.A.W."

Perkara ini juga dijelaskan oleh Syeikh 'Abdul 'Aziz di dalam bukunya *Muhammad bin 'Abdul Wahhab Da'watuhi wa stratuhu*, dengan katanya:

"Syeikh Muhammad bin 'Abdul Wahhab ini beraqidah dengan aqidah ahli sunnah yang suci dan bermazhab salaf yang berpegang dengan al-Qur'an dan as-Sunnah dengan meninggalkan penakwilan dan falsafah. Sementara itu dari segi furu'nya, beliau tidaklah terikat secara langsung kepada mazhab Imam Ahmad bin Hanbal dan tidak juga mengikut mazhab yang lain. Tetapi jika terdapat dalil yang lebih rajin maka dipegangnya dan ditinggalkan pendapat mazhabnya.³⁵

Dr. 'Abdul Rahman Ihsan menyebut bahawa beliau Syeikh Muhammad bin 'Abdul Wahhab bukannya pengasas kepada satu mazhab baru dalam Islam, bukan juga seorang yang ingin berkuasa dan ingin menjadi raja. Bahkan ajarannya adalah suatu da'wah yang benar mengajak orang-orang ramai kepada agama Allah sebagaimana yang dibawa oleh

34. 'Abdullah 'Abdul al-Hajid, Mardaj Da'wah al-Imam Muhammad ibn 'Abdul Wahhab al-Tamimi al-Najdi wa al-Tasir al-Sudani li hazihi al-Da'wah di dalam Ta'athir al-Da'wah al-Islahiah al-Islamiyah bi Da'wah Syeikh Muhammad Bin 'Abdul Wahhab, Riau, Matabah al-Imam Muhammad ibn Sa'ud al-Islamiyah, 1980, hal. 9.

35. 'Abdul 'Aziz bin Baz, op. cit., hal. 3.

Nabi Muhammad s.a.w. Salut dia'wah yang mengajak manusia kembali kepada tauhid yang betul serta menolak sebarang bentuk syirik dan amalan-amalan jahiliyah.³⁶

Ajaran dia'wah Syeikh Muhammad bin 'Abdul Wahhab ini tidak membawa perkara baru dan tidak membentuk atau mengasaskan satu mazhab baru sebagaimana yang dituduh oleh orang yang memusuhi nya. Ajaran beliau yang penting sebagaimana dijelaskan oleh Dr. Wahhab al-Zuhaili dapat disimpulkan kepada empat asas iaitu:³⁷

- i. Mengajak umat Islam kembali kepada Islam sebagaimana yang dihayati dan dipegang di zaman permulaan.
- ii. Membersihkan tauhid daripada sebarang unsur syirik.
- iii. Menegah dari bertawassul dengan perkara-perkara yang ditegah oleh 'syara' seperti bertawassul dengan wali-wali dan orang-orang soleh yang telah mati.
- iv. Menolak sebarang bentuk bid'ah dan khurafat dalam ugama.

³⁶ Dr. 'Abdul Rahman Uwaizrah, Al-Syubhah al-Lati Usirah Haula Da'watul al-Syeikh Muhammad Abdul Wahhab, hal. 20. (disebut oleh ustaz Zakaria @ Mahmood Daud dalam kertas kerjanya, op. cit, hal. 13.)

³⁷ Wahhab al-Zuhaili, I'tathar al-Da'wah al-Islamiyah bin Da'wah al-Syeikh Muhammad bin 'Abdul Wahhab, Riad, Matabah Jam'iyyah al-Imam Muhammad Ibn Sa'ud al-Islamiyah, 1980, hal. 9.

Berdasarkan kepada sepat perkara di atas, 'da'wah Muhammad bin Abdul Wahhab ditegakkan bersama-sama pengikut-pengikutnya. Di bawah ini penulis jelaskan secara terperinci kesepat-sepat perkara di atas:

3.4.1 Mengajak umat Islam kembali kepada Islam seperti yang dihayati di zaman permulaan.

Al-Quran telah menjelaskan bahawa umat Islam di zaman permulaan adalah merupakan golongan yang berjaya dan memperolehi keredhaan Allah s.w.t. Ini adalah disebabkan mereka ini berpegang teguh dengan perintah Allah dan mengikuti sunnah Rasulullah s.a.w. Allah telah perfirman yang bermaksud:

"Dan mereka yang terdahulu dari golongan Muhajirin dan Ansar dan orang-orang yang mengikuti mereka dengan baik, Allah meredhai mereka dan mereka juga redha kepada Allah. Dan dijanjikan kepada mereka syurga yang mengalir di bawahnya, mereka kekal di dalamnya selama-lamanya. Itulah kejayaan yang besar."³⁸

Ekoran dari perkara di ataslah Muhammad bin 'Abdul Wahhab berusaha membawa masyarakat Islam menghayati Islam sebagaimana masyarakat di awal Islam yang mengamalkan Islam dengan berpegang teguh kepada kitab suci al-Quran dan as-Sunnah.

Muhammad bin 'Abdul Wahhab meletak umat Islam yang ada pada masanya sama dengan suku 'Arab JAHILIAH. Mereka sudah hilang kekuasa-

³⁸ Surah al-Taubah, ayat 100.

an dan zaman keemasannya seberumimpi yang telah dicipta oleh Khalifah Abu Bakar, 'Umar, Usman dan Ali, dengan semangat jihad Islam telah berkembang hingga dapat memperluas dunia, tetapi semasa itu telah lenyap dan masyarakat telah tanggung di tambah kehinaan kerana kekuatan tuhan tidak wujud lagi. Bertolak dari inilah Muhammad bin 'Abdul Wahhab merasa bertanggungjawab untuk mengajak dan menggalakkan segala tenaga umat seugama yang pada pendapatnya sudah sesat dari ajaran Islam yang sebenar.³⁹

Muhammad bin 'Abdul Wahhab telah menjelaskan dalam bukunya *Al-Usul al-Thalathah wa Adillatuhu* bahawa jalan-jalan yang perlu diketahui dan diikuti oleh umat Islam bagi mencapai kesempurnaan hidup sebagai seorang muslim sebagaimana umat Islam di zaman Rasulullah dan para sahabatnya. Beliau menjelaskan sebelum seseorang muslim itu menghayati Islam secara lebih mendalam, tanya perlu memahami empat perkata yang penting iaitu:⁴⁰

1. Pengetahuan yang mengandungi penjelasan tentang Allah, tentang Rasul dan pengetahuan tentang agama Islam berdasarkan penjelasan al-Qur'an dan al-Hadis.
2. Mengamalkan Islam berdasarkan pengetahuan tentang perkara-

³⁹ Prof. Dr. Hj. Abu Bakar Achoh, *Perbandingan Mazhab Salaf*, Pustaka Aman Press, Kota Bharu, 1976, hal. 224.

⁴⁰ Muhammad bin 'Abdul Wahhab, *Al-Usul al-Thalathah wa Adillatuhu*, Maktabah Saudiah, Riyad, t.t., hal. 165.

perkara tersebut.

3. Menyebarkan pengetahuan pengetahuan tersebut.
4. Istiqamah (berpedang teguh) di dalam wasiat mewasiat di atas jalan ini.

3.4.2 Memurnikan Tauhid dari pada unsur syirik.

Syeikh Muhammad bin 'Abdul Wahhab juga mengambil berat daya-usaha da'wahnya untuk memurnikan Tauhid dari unsur-unsur syirik. Perkara ini banyak dibincangkan oleh beliau dalam kitabnya al-Tauhid.

Begitu juga dalam surat-surat beliau yang dihantar kepada umat Islam dengan tujuan untuk membersihkan masyarakat dari unsur-unsur syirik. Beliau pernah menyebut dalam suratnya yang berbunyi: ⁴¹

"Dari Muhammad Ibnu 'Abdul Wahhab, kepada sesiapa sahaja dari kaum muslimin yang surat ini sampai kepadanya. Sejahtera atas kamu serta rahmat dan berkat dari Allah kepadamu.

Adapun kemudian dari pada itu,

Sesungguhnya Allah yang Maha Lurus dan Maha Tinggi mengangkat Muhammad s.a.w sebagai Rasul di waktu dunia ini mengalami kesengsaraan dari utusan Allah, kemudian diberinya petunjuk oleh Allah, agama yang sempurna dan syariat yang sempurna dan syariat yang lengkap, paling agung dan besar, serta perkara yang merupakan asas dari ajarannya itu memurnikan agama itu sendiri dengan beribadah hanya kepada Allah yang tiada sekutu bagiNya. Menegah bentul-bentuk kesyirikan seperti timbulnya i'tiqad yang sesat kepada para malaikat dan Nabi, lebih-lebih lagi terhadap Islam selain mereka agar mereka tidak sujud kepadaNya, tidak menganggap bahawa ada yang menghilangkan bencana selain Allah, ada yang dapat menarik kebaikan selain Dia, tidak bernazar melainkan kepadaNya, tidak menyembelih melain-

⁴¹ Imam Munawwir, Mengenal Peribadi, 30 Pendekar, Dan Pemikiran Islam Dari Masa Ke Semasa, Pt. Bina 'Ilmu, Surabaya, 1985, hal. 450.

kan kerana Allah, tidak berbaik-baik melakukan kepadanya yang Maha Esa, yang tidak sekutu bagiinya. Inilah nikmat tauhid La ilah illallah.

Syekh Muhammad bin Abdul Wahhab menyatakan syirik ini kepada dua jenis, iaitu syirik akbar dan syirik asghar.⁴²

i. Syirik Akbar

Iaitu menjadikan tuhan-tuhan sebagai tempat memohon sebagaimana memohon kepada Allah. Syirik ini dilarang oleh Allah dari masuk ke dalam syurga dan akan kekal di dalam neraka.

ii. Syirik Asghar

Iaitu segala perkataan dan perbuatan yang boleh membawa kepada syirik seperti berlebihan terhadap sesama makhluk, bersumpah selain Allah, riya' dan lain-lain lagi.

Di antara contoh-contoh syirik yang dijelaskan oleh Muhammad bin Abdul Wahhab ialah :

i. Menyeru kepada orang lain selain Allah sebagai pertamaan untuk mendekati kepada Allah atau menjadikan ketua-ketua agama sebagai tuhan selain Allah. Al-Quran menjelaskan tentang hal tersebut dengan maksudnya:⁴³

"Orang-orang yang mereka seru (al-Masab dan ibunya, uz-air dan malaikat) mencari jalan kepada Allah, siapa di antara mereka yang lebih dekat kepada Allah dan mengharapkan keampunannya serta takut akan siksanya."

⁴² Muhammad bin Abdul Wahhab, Kitab al-Tauhid, ulasan oleh Abdul Rahman Ibn Nasir Ibn Sadi, Riarati Idarat al-Buhuth al-Umiyyat al-Ifta', Riyad, 1982, ayat 57.

⁴³ Surah al-Isra', ayat 57.

ii. Menggunakan jangki dan tangki serta apa-apa yang berkaitan dengannya.⁴⁴ Perkara ini disebutkan dalam hadis Nabi yang diriwayat oleh Abu Basyir al-Anshari dengan maksudnya:

"Bahawa dia suatu kali pernah menyertai Rasulullah dalam suatu perjalanan, kemudian beliau mengutuskan seorang utusan agar dia jangan sampai membiarkan ada sebuah kalung yang dibuat dari tali busar panah atau sebuah kalung lainnya yang masih tergantung pada leher unta kecuali harus dilepaskan."⁴⁵

iii. Mengambil barakah kepada batu-batu, pokok-pokok atau lain-lain yang sejenis dengannya. Al-Qur'an menjelaskan hal ini dengan maksudnya:

"Maka apakah patut kamu (orang-orang musyrik) menganggap ketiga-tiga al-Lata, al-Uzza, manat yang hina itu sebagai anak perempuan Allah."⁴⁶

iv. Menyembelih atau bernazar bukan kerana Allah. Dalam hal ini Nabi telah bersabda yang diriwayatkan oleh Ali dengan maksudnya:

"Nabi s.a.w telah memberitahu dengan empat kalimah iaitu Allah melaknat orang yang menyembelih selain dengan Allah dan keranaNya, Allah melaknat orang yang melaknat kedua orang tuanya, Allah melaknat orang yang melindungi orang bersafagh dan Allah melaknat orang yang mengubah batas tanah."⁴⁷

⁴⁴ Muhammad bin Abdul Wahhab, op. cit., hal. 45.

⁴⁵ Bukhari, Muhammad Ibn Ismail dan Muslim, al-Lu'lu Wa Marjan, juz' 3, Wizaratul Auqaf Wa Syura Islamiyah, Kuwait, 1977, hal. 549.

⁴⁶ Surah an-Najm, ayat 19-20.

⁴⁷ Abu al-Hussin Muslim Ibn al-Hajjaj Ibn Muslimin, Juz 6, op. cit., hal. 84.

v. Meminta pertolongan kepada selain selain Allah, Firman Allah yang bermaksud:

"Dan bahwasannya ada beberapa orang tetapi dari manusia meminta pertolongan kepada beberapa jin, maka mereka menjadikan jin itu sebagai tambahan sombong."⁴⁸

Itulah di antara bentuk-bentuk syirik yang dijelaskan oleh Muhammad bin Abdul Wahhab dalam kitab al-Tauhid.

3.4.3 Menegah dari bertawassul dengan perkara-perkara yang ditegah oleh syarak.

Dalam usaha dakwah Syeikh Muhammad bin Abdul Wahhab, beliau turut memerangi tawassul ini. Tawassul mengikut pengertian bahasanya ialah mendekatkan diri dan dalam pengertian yang lain ia bermaksud suatu perantaraan dengan melakukan sesuatu perbuatan untuk mendekatkan diri kepada Allah.⁴⁹

Muhammad bin Abdul Wahhab menganggap tawassul ini boleh menjerumuskan umat Islam kepada tembus syirik dan ianya terkeluar dari konsep tauhid yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. Di dalam kitabnya Kash al-Shubhat beliau menjelaskan bahawa Rasul-rasul diutuskan untuk menghapuskan aqidah berbentuk tawassul ini. Di antara kata-kata nya ialah:⁵⁰

⁴⁸ Surah al-Jin, ayat 6.

⁴⁹ Dr. Aminah Muhammad Nasir, Al-Syekh Imam Muhammad ibn Abdul Wahhab wa Manhajuhu fi Mabaiti al-Aqidi, Dar al-Syuruk, 1983, hal. 178.

⁵⁰ Muhammad bin Abdul Wahhab, op. cit., hal. 3.

"Ketahuilah semoga Allah setia abadi. Namun kalian taqhid ialah mengesakan Allah di dalam ibadah, yang lainnya adalah agama rasul-rasul di mana Allah memutus mereka kepada hambanya. Noh adalah Rasul yang patung awal di antara mereka yang diutuskan oleh Allah kepada kaumnya ketika kaum mereka melampaui dalam sanjungan terhadap para solehnya. Iaitu Wadda, Suwa'a, Yaghuth, Wa'tud dan Harra. Ratu yang terakhir ialah Muhammad s.a.w yang menegakkan semua qubur-qubur soleh tersebut, diutuskan kepada kaum yang beribadat, menunaikan haji, bersedekah, menyebut Allah dengan sebanyak-banyaknya. Akan tetapi mereka menjadikan setengah makhluk sebagai perantaraan di antaranya dengan Allah. Mereka berkata, "Kami inginkan dari mereka (sebagai jalan) taqarrub (mendekati Allah) dan inginkan syafaat dari sisi mereka seperti malaikat, Isa, Maryam dan manusia-manusia soleh yang lain." Maka Muhammad diutuskan untuk mentajidkan agama bapa mereka Ibrahim."

Menurut Muhammad bin Abdul Wahhab lagi amalan tawassul ini berlaku kerana terlalu mengagungkan terhadap orang-orang soleh. Perkara ini telahpun berlaku di zaman Nabi Noh di mana umatnya terlalu mengagungkan para solehnya sehingga mereka dirikan sebuah patung yang serupa dengan para soleh dan diberi nama dengan nama-nama mereka.⁵¹

⁵¹ H. Bey Ariffin, Beriyikan Taqfid Anda Dari Noda Syirik, ter: Mustafa al-Alim, Penerbit Bina Ilma, Surabaya, 1979, hal. 67.

Selain dari itu, belum juga disebutkan hasil dari tawassul itu, perkara-perkara buruk yang bisa terjadi seperti penyembahan terhadap kubur-kubur para wali dan mendekatnya dengan binaan yang ditegah oleh syara'. Abdul Razzaq bin Abd al-Ha'di di dalam ulasannya terhadap kitab al-Tauhid menjelaskan terdapat dua jenis larangan di dalam menziarahi kubur.⁵²

- i. Tanya adalah harian dan jalan kepada syirik, seperti memohon menghilangkan kejatuhan dirinya. Tawassul kepada Allah dengan ahlinya, sembahyang di sisinya serta meneranginya dan membuat binaan di atasnya dan terlalu mengagungkannya yang tidak sampai kepada peringkat ibadat.
- ii. Tanya adalah syirik yang besar, seperti berdoa kepada ahli kubur dan menuntut keperluan dunia dan akhirat daripada mereka. Ini adalah syirik besar dan sama seperti yang diperbuat oleh penyembah berhala.

3.4.4 Menolak sebarang bentuk bid'ah dan khurafat

Muhammad bin Abdul Wahhab telah melihat amalan bid'ah telah berleluasa dan tersebar di kalangan masyarakat Islam. Amalan ini merupakan amalan yang menyelengeng dari Islam. Karena itulah Muhammad bin Abdul Wahhab berusaha menuduhkan amalan itu.

52. Muhammad bin Abdul Wahhab, Kitab al-Tauhid, op. cit., hal. 81

Muhammad bin Abdul Wahhab telah menjelaskan tentang beberapa bentuk bid'ah dan khurafat yang diajukan di kalangan masyarakat di dalam bukunya seperti Kitab al-Tibarid, karyat al-Shubhat dan lain-lain. Di antara perkara bid'ah yang dijelaskan oleh beliau adalah:

i. Membina binaan di atas Kubur dan melakukannya penyembahan ke atasnya. Ini sebagaimana yang dijelaskan oleh Nabi dalam hadisnya yang bermaksud: ⁵³

"Aisyah telah berkata, "Bekas Rasulullah s.a.w sakit (menjelang wafatnya), beliau tutupkan selimut di atas mukanya. Kalau terasa sesak nafasnya lalu beliau membuka selimut itu, kemudian bersabda, "Laknat Allah ditimpakan ke atas Yabudi dan Nasrani yang menjadikan tempat-tempat ibadat di atas kubur nabi-nabi mereka." Rasulullah s.a.w mengeluarkan terhadap perbuatan mereka Baginda bimbang kalau Kubur dijadikan masjid (tempat sujud)."

ii. Keterlaluan memulihkan Kubur para solehin, seperti menziarahinya dengan ditetapkan ijabah, menghiasinya.

Rasulullah bersabda, maksudnya: ⁵⁴

"Dari Ibn Abi Aswad berkata, Nabi s.a.w melaknat wanita menziarahi Kubur-kubur dan mengambil Kuburan sebagai masjid serta diterangi (dengan lampu).

iii. Mengambil berkat dari batu, pokok dan sebagainya.

iv. Penggunaan tangkal azimat dan jampi adalah khurafat.

v. Memakai gelang dan bening untuk menolak bala atau menghilangkannya adalah juga khurafat.

⁵³ Al-Hafiz Shâhibiddin Abi al-Fadl Ibn Hajar al-Asqalân, Fath al-Bâri bi Sharh al-Bukhâri, Syarh Kitâb Iktâbahâ wa Matba'at Mustafa al-Bâbi al-Wâlî bi Au'lâduha, Mesir, 1960, juz. 3, hal. 444.

⁵⁴ Al-Syeikh Khalil Ahmad Shabir Kapoor, Badî' al-dubûd fi illî Abî Daud, Dar al-Kutub al-'Umârâ, Beirut, t.t., juz. 14, hal. 205.

- vi. Meminta air berdarahan setelahnya bila ada lahir dari perkara khurafat.
- vii. Penentuan nasib dengan bantuan siapapun juga adalah juga khurafat.

Berikut ini beberapa alasan mengapa amalan-hid'ah dan khurafat yang disebut oleh Syeikh Muhammad bin Abdul Wahhab di dalam kitabnya al-Tauhid, Dan menjadikannya wajib kepada seluruh kaum muslimin menjauhi dari melakukan amalan-sudah-sedikit pun untuk kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.